



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Malaysia Hari Ini
Date	4/10/2012

Bajet13 mampu lonjak sokongan BN

Malaysia Hari Ini - 4/10/2012

Oleh Razali Yahaya

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar) percaya sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) akan meningkat dengan pembentangan Bajet 2013 pada 28 September lalu.

Bekas perdana menteri paling lama berkhidmat itu juga turut memuji bajet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai 'baik' dan akan membantu BN dalam pilihan raya akan datang.

"Bajet (2013) itu baik ... Saya rasa sokongan kepada BN akan ada peningkatan," katanya kepada media selepas menghadiri majlis penganugerahan kepada kakitangan Institut Jantung Negara (IJN) di sini, baru-baru ini.



Tindakan kerajaan pimpinan Najib memberikan wang tunai kepada rakyat adalah tindakan yang menyerupai "pembelian undi", akan tetapi mengakui usaha tersebut dalam membantu mengembalikan populariti BN dengan lebih cepat oleh kerana PRU semakin hampir.

Beliau yang sebelum ini berkhidmat sebagai Perdana menteri selama 22 tahun pernah mengeluarkan kenyataan BN akan menjadi kerajaan lemah selepas PRU13 yang dijangka tidak lama lagi.

Kenyataan itu bagaimanapun disanggah beberapa pemimpin BN, malah mereka juga tidak ber-

setuju dengan dakwaan Dr Mahathir bahawa pemberian wang tunai oleh pentadbiran Najib adalah satu bentuk pembelian undi tetapi menegaskan bahawa veteran politik itu juga mengakui bahawa BN perlu untuk meningkatkan populariti bagi memastikan kerajaan yang lebih kuat selepas PRU akan datang.

Dr Mahathir dalam sebuah forum anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana sebelum ini meramalkan bahawa BN akan terus memerintah Malaysia selepas PRU13 sebagai sebuah kerajaan lemah dan itu adalah tidak baik kerana gabungan pemerintah tersebut akan lebih memfokuskan kepada survival mereka leb-

ih daripada membangunkan negara.

Katanya, tindakan kerajaan pimpinan Najib memberikan wang tunai kepada rakyat adalah tindakan yang menyerupai "pembelian undi", akan tetapi mengakui usaha tersebut dalam membantu mengembalikan populariti BN dengan lebih cepat oleh kerana PRU semakin hampir.

Sebagai seorang pemimpin BN yang lantang, Dr Mahathir berkata BN memerlukan sebuah kerajaan kuat untuk membantu pelaksanaan dasar-dasar yang mungkin 'tidak menyenangkan' tetapi akan memberi manfaat kepada negara dalam jangka masa panjang.

"Mana-mana kerajaan yang dibentuk dengan majoriti parlimen yang kecil boleh digulingkan dengan mudah melalui pembelotan massa," kata Dr Mahathir.